



حَيَاتُ خَيْرٍ خَالٍ لِحَوَالِ الْإِكَامِ بِسَلَامٍ مَكْتَبَاتِهِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27 ZULHIJAH 1442H / 06 OGOS 2021M

### BUDAYA MEMBACA AL-QURAN

Disediakan oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yng dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan

**KHUTBAH TELAH DISEMAK**

TARIKH DISEMAK: **03. 08. 2021**

MOHD ZARATKHAH ABD RAHMAN  
PEGAWAI PENYEMAK  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH RASMI JHEAINS**

DILULUSKAN PADA:

DIBACA PADA

DILULUSKAN OLEH:

BAHADUDDIN HALWI  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**BUDAYA MEMBACA AL-QURAN**  
**KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَبِالْحَقِّ أَنْزَلْنَاهُ وَبِالْحَقِّ نَزَّلْنَاهُ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

**MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jemaah sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhanNya, dan menjauhi segala laranganNya. Moga-moga kita semua beroleh keberkatan hidup didunia ini dan kebahagiaan abadi di akhirat kelak.

**SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,**

Al-Quran merupakan sebuah kalamullah yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaran Jibril a.s, ditulis didalam mashaf dan diturunkan secara mutawatir iaitu secara berperingkat dan menjadi Ibadah dan memperolehi pahala dengan membacanya. Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun dimana 13 tahun telah diturunkan di Makkah dan 10 tahun di Madinah. al-Quran mempunyai sebanyak 114 surah yang diawali dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas. Al-Quran mengandungi pelbagai perkara yang meliputi soal tauhid, ibadat, jenayah, muamalat, munakahat dan sebagainya. Justeru itu, sebagai seorang muslim menjadi persoalan kepada diri sendiri sejauhmanakah kita mendampinginya. Atas dasar itu, mimbar hari ini akan mengupas khutbah yang bertajuk **Budaya membaca Al-Quran**.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Al-Syahid Hasan al-Banna berkata: "Al-Quran al-Karim adalah sebuah perlembagaan yang lengkap merangkumi seluruh hukum Islam. Al-Quran adalah sumber yang mencurahkan segala kebaikan dan

ilmu ke dalam hati yang beriman. Al-Quran juga adalah alat yang terbaik untuk para ahli ibadat mendekati diri kepada Allah SWT dengan cara membacanya.”

Berdasarkan ungkapan ini, mimbar ingin mengajak seluruh Jemaah dan umat Islam menjadikan membaca al-Quran ini sebagai satu budaya dan amalan yang dilakukan oleh setiap umat Islam. Perkara ini dapat membantu manusia agar sentiasa berada di jalan yang betul dan tidak terpesong serta lalai dengan penipuan dunia. Kita sekarang berada diambang dunia yang penuh mencabar dengan pelbagai hasutan dan penipuan yang mampu melemahkan diri kita. Oleh itu, dengan menjadikan membaca al-Quran sebagai satu amalan maka kita mampu untuk melindungi diri kita.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan yang salah "

Selain itu, Rasulullah SAW telah bersabda yang maksudnya: “Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu (dua perkara) selagimana kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu kitabullah dan sunnah NabiNya.” (Riwayat al-Baihaqi (20123)

## **SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA**

Allah SWT telah memberi jaminan terhadap kesucian al-Quran dimana tidak seorangpun yang mampu meniru apatah lagi mencabar isi kandungan serta ayat-ayat suci yang terdapat di dalam al-Quran. Jaminan ini telah diberikan kerana terdapat beberapa individu dan kelompok yang suka membuat kerosakan di dunia ini untuk menjatuhkan umat Islam. Justeru itu, perkara ini juga menunjukkan bahawasanya kesucian al-Quran itu tidak mampu untuk dimanipulasi oleh mana-mana pihak. Pembuktian ini dapat kita lihat dimana al-Quran yang diturunkan daripada zaman Rasulullah SAW sehinggalah pada hari ini adalah sama dan tidak berubah. Benarlah apa yang telah difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI

Allah SWT begitu kasih dan sayang kepada hambanya yang membaca al-Quran. Begitu besar rahmat Allah SWT untuk mereka yang gemar akan membaca al-Quran sehinggakan Allah SWT memberikan ganjaran kepada hambanya apabila membaca al-Quran. Meskipun setiap ibadah yang kita lakukan adalah untuk mendapat rahmat dan keredhaan daripada Allah SWT dan bukanlah untuk mendapat ganjaran semata-mata, akan tetapi ganjaran sedemikian mampu membakar semangat kita untuk rajin membaca al-Quran. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Daripada Ibnu Mas'ud r.a katanya Rasulullah SAW telah bersabda: Sesiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah (Al-Quran) maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan diganda sepuluh. Aku tidak bermaksud (Alif Lam Mim) itu satu huruf akan tetapi Alif itu satu huruf, Lam itu satu huruf dan Mim itu satu huruf”. (Riwayat al-Tarmizi, 2835)

Dalam hubungan ini, Allah SWT berfirman dalam Surah Fathir ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan solat serta menginfakkan sebahagian daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi atau terbuka dengan mengharap (daripada amalan yang demikian) sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian”.

Disamping itu, dengan sentiasa mendampingi al-Quran maka diakhirat nanti akan datang al-Quran sebagai syafaat kepada pembacanya. Perkara ini jelas dalam sabda Baginda SAW yang bermaksud: “Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya”. [Riwayat Muslim (804)].

Oleh yang demikian, Jemaah jumaat yang dirahmati sekalian, marilah kita bersama-sama memupuk budaya membaca al-Quran. Disamping mendapat ganjaran daripada Allah SWT, kita juga dapat menjaga diri kita daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang melalaikan dan merugikan diri. Allah SWT berfirman dalam surah al-Qamar ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

أمين آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ  
وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ  
بِعِنَايَتِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَقِرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ.  
وَأَجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبُلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ  
رَّحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ  
مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٍ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْاَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami. Sesungguhnya kepadaMu juga tempat kami memohon perlindungan.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! ، اتَّقُوا اللّٰهَ!

وَإِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللّٰهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللّٰهِ أَكْبَرُ، وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522142



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.